

PM mahu jumpa Umno Sabah

Oleh Lichong Angkui dan Izman Ismail



B.H - 6OCT 1993

SUBANG, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengadakan pertemuan dengan Badan Perhubungan Umno Sabah bagi membincangkan perletakan jawatan pengerusinya, Ghafar Baba.

Menurutnya, beliau akan mengadakan perbincangan dari hati ke hati dengan pemimpin Umno Sabah bagi menentukan punca sebenar keputusan Ghafar meletakkan jawatan.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, setakat ini, beliau tidak mempunyai maklumat lanjut berhubung punca sebenar tindakan Ghafar dan hanya dimaklumkan mengenai perletakan jawatannya.

"Oleh itu, saya berpendapat, adalah tidak wajar membuat sebarang komen berhubung keputusan Ghafar melainkan mendapat gambaran sebenar daripada Badan Perhubungan Umno Sabah.

"Saya akan berbincang dengan orang Sabah dan mengkaji kaedah yang sesuai bagi menyelesaikan masalah itu.

"Lagi pun, saya tidak boleh bertindak tanpa mengetahui sebab-musabab yang sebenar. Ini kena melalui proses biasa," katanya kepada pemberita se-jurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, sekembalinya dari Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-48 di New York.

Hadir sama menyambut kepulangannya ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat; Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Sakaran Dandai serta beberapa pegawai Wisma Putra.

Sebelum pulang ke tanah air, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Jepun, Morihiro Hosokawa, di Tokyo, Sabtu lalu.

Khamis lalu, Ghafar mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah di Kota Kinabalu.

Ketika mengumumkannya, Ghafar berkata, keputusan itu dibuat kerana tidak lagi mendapat sokongan dan kerjasama semua Ketua Umno bahagian di Sabah kecuali Menteri Hal-Ehwal Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun.

Setakat ini, 19 daripada 20 Umno bahagian di Sabah mencalonkan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno. Hanya Umno bahagian Marudu mencalonkan Ghafar mempertahankan jawatannya.

Selain itu, ketika mengulas cadangan ahli jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai, untuk melantiknya sebagai pengerusi baru, Dr Mahathir berkata, beliau perlu meneliti terlebih dulu cadangan itu.

"Dia boleh cadangkan, tetapi kita nak tahu macam mana perkara ini bo-

Cari penyelesaian terbaik: PM

DARI MUKA 1

B.H - 6OCT 1993

leh berlaku (perletakan jawatan Ghafar). Saya belum menentukan perkara ini (cadangan). Bagaimanapun, ia akan diselesaikan selepas mendapat gambaran menyeluruh," katanya.

Ditanya sama ada tindakan Ghafar memberikan kesan terhadap dirinya, Dr Mahathir berkata; "Saya tidak ada rasa apa-apa. Lagipun, saya tidak

tahu sebab musabab berkenaannya perkara ini. Saya harus teliti dulu."

Selain itu, Perdana Menteri berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno akan membincangkan perletakan jawatan Ghafar pada Sabtu ini selain pelbagai masalah berbangkit berhubung mesyuarat perwakilan.

"Saya percaya masalah Umno bahagian Batu ser-

ta beberapa bahagian lagi akan dibangkitkan dalam mesyuarat MT Sabtu ini. Kita akan cari penyelesaian terbaik," katanya.

Sementara itu, ketika ditemui, Sakaran berkata, beliau dan beberapa wakil Badan Perhubungan Umno Sabah akan mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri selepas mesyuarat Kabinet esok.